

SANTAI KUASA SEMANGAT DAN TEKAD

Biarpun berdepan masalah jantung, Amanda Omeychua bakal cecah 100 kali tawan Gunung Kinabalu pada 5 November ini

Oleh Suraya Roslan
surayaroslan@
mediaprima.com.my

Genap 100 kali daki Gunung Kinabalu pada 5 November ini.

Itu tekad May Lie Laili, 31, dan ketika ini, dia sudah 96 kali mendaki gunung tertinggi Malaysia itu.

Ini adalah pencapaian luar biasa kerana ia bukan saja dilakukan ketika May Lie Laili berusia 31 tahun, malah ketika kesihatannya terjejas sejak disahkan menghidap masalah jantung pada 2014.

Bagi segelintir individu, sekali mendaki Gunung Kinabalu sudah cukup mencabar.

Namun, bagi May Lie Laili atau lebih dikenali sebagai Amanda Omeychua, gunung tertinggi di Malaysia itu bakal ditawan untuk kali ke-100 tidak lama lagi.

Untuk rekod, Amanda mendaki Gunung Kinabalu setiap minggu.

Amanda yang berasal dari Kudat, Sabah juga membuktikan bahawa semangat dan tekad mampu mengatasi batas fizikal.

Masalah jantung tidak pernah dijadikan sebagai halangan untuk Amanda meneruskan minatnya dalam dunia pendakian.

"Penyakit jantung bukan penghalang. Saya mahu buktikan bahawa jika kita percaya dan berusaha, tiada yang mustahil," katanya penuh semangat.

Antara kenangan paling bermakna buat Amanda ialah pendakian ke Gunung Kinabalu.

Katanya, ketinggian bukanlah halangan sebenar sebaliknya keindahan gunung itu yang membuatkan segala ketakutan hilang.

"Segala kesakitan dan penat hilang apabila lihat keindahan puncak Kinabalu. Rasa tenang, rasa hidup," katanya.

Sepanjang pembabitannya, Amanda sudah menawan lebih 200 gunung termasuk Gunung Rinjani, Indonesia yang mana dia turut kehilangan seorang rakan pendakian di sebelahnya dalam kejadian gempa bumi di Lombok pada 2018, satu pengalaman yang meninggalkan kesan mendalam dan menjadikan dia lebih tabah.

Antara gunung berjaya ditawan adalah Annapurna Base Camp sebanyak lapan kali, Gunung Semeru (3), Gunung Kerinci (3), Everest Base Camp (4), Gunung Rinjani (10) dan Gunung Tahun (5), Gunung Murud, Gunung Latimojong dan Gunung Mulu Sarawak.

Akuinya, setakat ini, dia sudah menjejak puncak Gunung Kinabalu sebanyak 96 kali. Cabaran utama baginya bukan sekadar ketinggian, tetapi cuaca yang berubah-ubah, sekejap hujan, sejuk dan ada kalanya kabus tebal.

Namun, bagi wanita ini, setiap pendakian adalah pengalaman baru.

"Bunyi alam semula jadi, hutan yang lebat, flora dan fauna, serta komuniti tempatan Sabah, semuanya unik. Alam ini penuh warna dan kehidupan," katanya.

Bagi Amanda, setiap pendaki hebat bermula dengan satu langkah kecil.

"Gunung tak pernah suruh kita berlari. Ia cuma minta kita teruskan melangkah. Jangan pernah tinggalkan kawan dan susah senang kena bersama," katanya.

Impian besarnya kini



Penyakit jantung bukan penghalang. Saya mahu buktikan bahawa jika kita percaya dan berusaha, tiada yang mustahil

AMANDA OMEYCHUA



ADA IMPIAN TERSENDIRI

Mahu tawan puncak Carstensz Pyramid di Indonesia, satu daripada tujuh puncak tertinggi di dunia

untuk menawan Carstensz Pyramid (4,884 meter) di pergunungan Jayawijaya, Papua, Indonesia iaitu satu daripada tujuh puncak tertinggi di dunia (7 Summits).

Amanda berkata, tidak lengkap rasanya jika tidak melengkapkan siri pendakian tujuh puncak

tertinggi di Indonesia itu, sekali gus membuktikan bahawa penyakit bukan alasan untuk menyerah kalah.

"Ini supaya menjadi contoh, pendaki dari Asia yang menghidap masalah jantung pun boleh capai apa yang kita mahukan, kerana impian berjaya

mengatasi setiap batas diri.

"Saya mahu buktikan bahawa sakit bukan tiket untuk kita lemah," katanya.

Dan siapa sangka, kini Amanda bekerja sepenuh masa sebagai pemandu dan pengurus pendakian (organizer & guide) di luar


Malaysia.

Dunia gunung sudah menjadi sebahagian hidupnya, satu platform untuk menginspirasi ramai supaya berani mencabar diri sendiri, malah kini menjadi tempatnya mencari rezeki.

"Hidup ini ibarat mendaki gunung, susah,

penat, ada kalanya jatuh. Namun yang penting, jangan berhenti melangkah.

"Gunung juga ajar saya supaya sabar, tentang ketahanan selain berkaitan diri sendiri. Bila kita berani mula, kita sudah menang separuh jalan," katanya.



SEBAGAI pemandu dan pengurus pendakian, Amanda sudah berjaya menawan lebih 200 gunung dunia.



WALAU PUN menghidap masalah jantung, itu bukan halangan untuk Amanda terus mengejar impian.



KEHILANGAN rakan pendakian di Gunung Rinjani tidak mematahkan semangat Amanda.